

Kerajaan Jalankan Langkah Berterusan Bantu Golongan Pendapatan Sederhana, Kata TPM
Bernama
15 Ogos, 2011

MUAR, 15 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata kerajaan menjalankan langkah berterusan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah bagi menangani kos sara hidup yang meningkat.

Beliau berkata usaha itu merupakan fokus utama ketika ini selepas usaha membasmi kemiskinan tegar telah berjaya dilaksanakan kerajaan.

"Kalau mereka (golongan berpendapatan rendah dan sederhana rendah) berpendapatan RM1,000, RM1,500 ataupun RM2,500, mereka perlu membayar sewa rumah, kos pengangkutan dan sebagainya.

"Ada yang ramai anak, jadi pendapatan seperti ini tidak cukup untuk menanggung keluarga," katanya berucap pada majlis Semarak Ramadan Amlslamic Bank-Berita Harian bersama penduduk Kampung Bukit Treh, di sini Isnin.

Timbalan Perdana Menteri berkata usaha membantu golongan itu sudah dibincangkan di peringkat kabinet dan menerusi tinjauan mesra bersama pemimpin tempatan, beliau menerima banyak maklum balas bagi menangani kos kehidupan yang meningkat.

"Harga kos barang meningkat lebih daripada dulu...saya sendiri tinjau ke pasar, tanya pembeli yang datang. Pokoknya, hendak tangani kelompok ini adalah agenda yang besar.

"Kita mahu golongan berpendapatan sederhana dan sederhana rendah rasa ada usaha membantu mereka dalam kerajaan melakukan proses transformasi yang besar kepada negara," katanya.

Mengenai pembasmian miskin tegar, Muhyiddin yang juga anggota Parlimen Pagoh berkata program itu mencapai kejayaan luar biasa dan tidak banyak negara lain di dunia mencapai sasaran berkenaan.

"Ini pendekatan yang dibuat kerajaan sebab kita mahu tentukan jangan ada kelompok tersisih dari arus perdana. Sebelum tahun 2010, terdapat 43,000 keluarga di seluruh negara tergolong dalam miskin tegar dan kerajaan sudah memberikan bantuan terus termasuk makanan, latihan, modal, benih tanaman dan sebagainya kepada mereka," katanya.

Program Semarak Ramadan yang bertujuan membantu golongan miskin hari ini merupakan lokasi kelima selepas diadakan di Melaka, Perak, Sabah dan Terengganu, mulai awal Ramadan.

Terdahulu, Muhyiddin turut meluangkan masa melawat bazar Ramadan di Dewan Jubli Intan, di sini.

--BERNAMA

2011 Hakcipta BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=608339>